

**Malaysia Minta Anggota PBB Tak Kenakan Syarat Sumbangan  
Bernama  
5 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia menyeru semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar tidak mengenakan apa-apa syarat dalam memenuhi kewajipan kewangan mereka kerana ini akan mengekang fungsi PBB.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB Datuk Hussein Hanif berkata meskipun di bawah kaedah taksiran semasa, sumbangan Malaysia menyaksikan peningkatan iaitu daripada 0.253 peratus bagi tahun lepas kepada 0.281 peratus tahun ini.

"Meskipun begitu, Malaysia akan terus memberi sumbangan secara konsisten dan tepat pada masanya," katanya pada sesi ke-68 Perhimpunan Agung PBB di New York Jumaat.

Teks ucapan beliau berkaitan Agenda Perkara 138: Skala Kadar Taksiran Peruntukan Perbelanjaan PBB pada Jawatankuasa ke-5 diedar kepada Bernama hari Sabtu.

Hussein berkata Malaysia turut mengiktiraf kepentingan prinsip keupayaan membayar sebagai elemen penting dalam peruntukan perbelanjaan PBB.

Beliau berkata Malaysia mengambil maklum kerja berterusan Jawatankuasa berkaitan Sumbangan untuk memperbaiki kaedah semasa skala kadar taksiran bagi mengumpul lebih banyak sumbangan daripada negara maju serta membangun dan Malaysia menyambut baik usaha ini.

"Pada masa sama, Malaysia menggesa jawatankuasa berkenaan agar terus mengambil kira pandangan negara anggota, terutama dalam kalangan negara membangun yang mempunyai kapasiti terhad untuk membayar," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983432>